



TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KONVENSYEN
PERPUSTAKAAN SE-MALAYSIA 2022 -
"JATI DIRI BERBUDAYA PEDULI INFO"**

**PADA 9 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT) JAM 8:15 MALAM
DI HOTEL BAYVIEW BEACH, BATU FERINGGHI PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim

YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri

Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya

YB Dato' Norazmi bin Mohd Narawi

Penasihat Undang-Undang Negeri

YBhg Encik Mohd Yusri bin Mohd. Yusoff

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

YB Dato' Mustafa Kamal bin Ahmad

Ahli Dewan Undangan Negeri Telok Ayer Tawar

Merangkap Timbalan Pengerusi Lembaga Perbadanan Perpustakaan
Awam Pulau Pinang

YBhg Puan Salasiah binti Abdul Wahab

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Yang Mulia Ungku Hajah Noorakmal binti Ungku Sulaiman

Pengerusi Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia

YBhg Puan Sharimah Binti Salleh

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

Pengarah-Pengarah Perpustakaan Seluruh Malaysia

YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, di majlis yang penuh gilang-gemilang pada malam ini, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin-Nya jua, kita diberikan kesihatan yang baik, diberi peluang dan kesempatan dalam suasana yang penuh keceriaan dan kebahagiaan, dapat berhimpun sebagai sebuah keluarga besar, yang datang dari pelbagai negeri, jauh dan dekat, dalam Majlis Perasmian Penutupan Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia bagi tahun 2022.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, selaku penganjur majlis, diatas jemputan untuk saya hadir dan seterusnya merasmikan program ini yang telah berlangsung selama lima hari, dari 5 hingga 10 September 2022, julung julung kalinya di Negeri Pulau Pinang ini.

3. Di kesempatan ini juga, saya turut merakamkan ucapan penghargaan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur diatas kejayaan menganjurkan program ini secara bersepadu dan menyeluruh serta melibatkan kerjasama daripada pelbagai rakan strategik. Penglibatan seperti ini yang terdiri daripada jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, telah memberi satu bentuk landskap baru kepada pelbagai program yang telah disediakan.

Penganjuran program melalui kerjasama seperti ini sesungguhnya amat digalakkan sebagaimana yang disarankan oleh kerajaan ke arah melahirkan semangat patriotik dan Keluarga Malaysia yang lebih harmoni dan sejahtera. Oleh itu, dalam usaha memastikan setiap program yang dilaksanakan memberi nilai tambah dan impak positif kepada masyarakat secara keseluruhannya, maka kita haruslah memupuk semangat setiakawan dan jati diri berbudaya dengan mengeneipkan kepentingan peribadi sebagai keutamaan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Saya difahamkan bahawa pelbagai kategori perpustakaan telah menyertai program kali ini dan pelbagai acara yang diaturkan secara tidak langsung telah memberi peluang kepada kakitangan yang berpotensi mengambil bahagian. Penglibatan yang terdiri daripada para kakitangan daripada pelbagai bahagian yang bertugas di perpustakaan telah memberi lebih ruang untuk memupuk nilai-nilai kebersamaan dan semangat kekitaan yang lebih utuh. Ini memandangkan bukanlah mudah untuk mereka semua berkumpul dan melibatkan diri bagi menikmati program sebegini yang sekaligus dapat mengeratkan silaturrahim serta menampilkan nilai budaya masing-masing.

5. Allahyarham Seniman Agung, Tan Sri P. Ramlee pernah berkata, “Irama dan lagu, tak dapat dipisahkan; kalau dipisahkan rosaklah lagu, pincanglah irama”. Ungkapan ini, jika dihayati, ternyata bahawa ilmu dan budaya sebenarnya tidak dapat dipisahkan.

6. Orang yang mengejar ilmu akan memartabatkan budayanya agar terus kekal abadi untuk generasi seterusnya. Dalam membina jati diri berbudaya, di samping menyemai semangat mengejar ilmu sepanjang masa, pelbagai aktiviti yang mengaitkan semangat ini telah diaturkan. Secara tidak langsung aktiviti ini menjadi serampang dua mata, iaitu menjadi daya tarikan pelancong dari dalam negara dan dalam masa yang sama membantu memperkenalkan destinasi-destinasi menarik di Pulau Pinang. Situasi ini sesungguhnya sangat bersesuaian dengan tema yang telah dipilih untuk kali ini iaitu “Jati Diri Berbudaya Peduli Info” oleh Perbadanan Perpustakaan Awam selaku pihak penganjur Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia kali ini.

7. Tahniah saya ucapkan kerana satu perspektif ke arah memupuk nilai-nilai keilmuan itu telah dijadikan sebagai landasan untuk melahirkan masyarakat yang mencintai ilmu, walau dalam sebarang penglibatan yang dilaksanakan.

Dalam konsep kemenjadian seperti inilah yang bakal melahirkan masyarakat Malaysia yang mampu bersaing di persada dunia, serta menjadi ikon dalam peradaban ketamadunan bangsa hari ini atau pun pada masa akan datang.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Sebagai masyarakat yang menghargai dan mencintai ilmu secara berterusan, salah satu destinasi pelancongan yang perlu dikunjungi oleh pelancong domestik atau luar negara semestinya perpustakaan. Adalah amat rugi sekali sekiranya pelancong yang hadir dari dalam atau luar negara ini tidak menjadikan perpustakaan sebagai salah satu destinasi yang penting dalam program percutian mereka.

9. Saya juga berpandangan, setiap anggota perpustakaan negeri dan negara perlu menjalankan tugas dengan bijak dan terancang bagi mempromosikan perpustakaan. Dalam situasi seperti ini sudah semestinya, anda perlu mempamerkan pelbagai kelainan mengikut kreativiti dan budaya setempat masing-masing. Saya yakin program sebegini, yang menggabungkan semua perpustakaan serta melibatkan pelbagai kategori perpustakaan di Malaysia, dapat mencetuskan pendapat dan idea yang berbeza bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan selepas ini.

10. Akhir kata, besarlah harapan saya agar penganjuran Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia 2022 ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua yang hadir. Saya juga menyeru dan menyarankan kepada semua pihak untuk bersama-sama berganding bahu bagi memperkasakan dan meningkatkan kecermelangan industri kepustakawanan, serta membina masyarakat Malaysia yang berilmu dan, yang paling pentingnya, memupuk minat untuk membaca, dan menjadikan aktiviti membaca sebagai rutin normal dalam kehidupan seharian.

11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirahim***, saya, dengan sukacitanya, merasmikan **Penutupan Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia, Tahun 2022**, yang penuh gilang-gemilang pada malam ini dengan tiga rangkap pantun:

Pasang lampu esok lusa,
Nampak segera pokok keladi,
Tinggi ilmu penyuluh bangsa,
Maju negara teguh peribadi.

Pohon meranti pohon rumbia,
Pokok segar daun merimbun,
Pustaka dihormati petanda mulia,

Bercambah tegar nilai tamadun.

Pohon berangan tempat bertemu,

Girangnya rasa si anak dara,

Selesai konvensyen sempat berilmu,

Binalah bangsa bangunkan negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.